

Sijil	Pengannugerahan kepada pelajar yang memenuhi keperluan program peringkat sijil dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Institut setelah mendapat perakuan Senat.
Diploma	Pengannugerahan kepada pelajar yang memenuhi keperluan program peringkat diploma dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Institut setelah mendapat perakuan Senat.
Ijazah Sarjana Muda Perguruan	Pengannugerahan kepada pelajar yang memenuhi keperluan program peringkat ijazah sarjana muda perguruan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Institut setelah mendapat perakuan Senat.
Slip Kelayakan Menduduki Peperiksaan	Satu penyata yang menyenaraikan semua kursus yang telah terdaftar untuk membolehkan pelajar mengambil peperiksaan akhir/dinilai pada sesuatu semester.
Penyata Keputusan	Penyata yang menyenaraikan maklumat terperinci keputusan penilaian bagi sesuatu semester.
Transkrip	Penyata rasmi yang menyenaraikan maklumat terperinci keputusan penilaian terperinci sepanjang tempoh pengajian pelajar yang dikeluarkan oleh Institut.
Skrol	Dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Institut mengesahkan pengurniaan Diploma/Ijazah Sarjana Muda Perguruan.

Tindakan Tatertib	Hukuman yang dijatuhkan oleh pihak berkuasa tatertib Institut ke atas pelajar yang melanggar kaedah-kaedah Institut Pelajaran Tatertib Pelajar-Pelajar dan Akta 174.
Penangguhan Pengajian	Penangguhan yang diberikan kepada pelajar atas persetujuan Institut berdasarkan sebab-sebab tertentu.
Penggantungan Pengajian	Hukuman oleh pihak berkuasa tatertib yang mengakibatkan pelajar tidak dibenarkan meneruskan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.
Plagiarisme	Peniruan hasil kerja dan/atau pendapat orang lain sama ada menerusi bahan bercetak atau elektronik tanpa mengiktiraf atau membuat pengakuan akan sumbernya.